

TEKS UCAPAN

YANG BERBAHAGIA

PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH

MOHD JANOR

NAIB CANSELOR UiTM

SEMPENA

MAJLIS SANJUNGAN BUDI KETUA PUSTAKAWAN

DAN

JAMUAN RAYA PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

12 MEI 2023 | JUMAAT | 3.00 PETANG

LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berusaha Encik Jamalludin Haji Sulaiman

Ketua Pustakawan UiTM;

Yang Berbahagia Profesor Datin Dr. Suzana Sulaiman

Timbalan Naib Canselor, Akademik & Antarabangsa

Yang Berbahagia Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar

Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Norazah Abd Rahman

Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan & Inovasi

Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Mohamad Hariri Abdullah

Timbalan Naib Canselor, Jaringan Industri Komuniti dan Alumni

Yang Berusaha Tuan Haji Muhamad Nizam Noordin

Pendaftar

Yang Berusaha Tuan Haji Azizi Haji Jantan

Ketua Timbalan Pustakawan PTAR

Barisan Pengurusan Kanan Universiti

Penolong-penolong Naib Canselor

Pengarah-pengarah, Ketua-ketua PTJ dan hadirin sekalian.

[Salutasi- kemas kini berdasarkan kehadiran]

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

**Selamat sejahtera, Salam UiTM di hatiku dan Salam
Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat ALLAH SWT kerana dapat kita berkumpul pada petang ini sempena meraikan **Majlis Sanjungan Budi Ketua Pustakawan Perpustakaan UiTM** serta **Jamuan Raya PTAR**.

2. Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Encik Jamalludin Haji Sulaiman, Ketua Pustakawan UiTM** atas khidmat bakti beliau selama **37 tahun** berada di UiTM. Beliau akan bersara wajib **bermula 15 Mei 2023** setelah mengemudi **Perpustakaan UiTM** bermula 16 Jun 2022.

Hadirin sekalian,

3. Peranan sebagai Ketua Pustakawan UiTM begitu besar dalam memastikan sumber rujukan, perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan dapat memberi manfaat kepada

warga. Banyak perubahan dan inisiatif baharu PTAR jalankan dan telah membuka mata warga dan komuniti setempat.

4. Saya mewakili warga UiTM mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada **Encik Jamalludin** atas segala bantuan dan kerja sama yang diberikan selama berkhidmat di UiTM.

6. Kami mendoakan agar **Encik Jamalludin** menjalani hidup yang lebih tenang dan dimudahkan Allah SWT dalam segala urusan. Tiada yang lebih indah dalam melalui fasa persaraan apabila dapat meluangkan masa sepenuhnya bersama keluarga. Penat lelah selama berkhidmat, akhirnya terbalas dengan melihat pencapaian dan kejayaan jabatan yang diterajui. Segala pengorbanan akan dikenang dan menjadi memori terindah yang terpahat diingatan.

7. Pada kesempatan ini juga, saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini. Saya akhiri dengan serangkap pantun;

Mari memetik daun palas
Untuk diisi buah barang
Budi tuan tidak terbalas
Semat di hati jadi kenangan

Sekian

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh